

Lawatan PM ke Yaman buka ruang kerjasama

BH- 25/2/2007

KUALA LUMPUR: Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Yaman, minggu depan akan membuka ruang kepada kerjasama dua hala lebih luas dalam perdagangan, pelancongan dan pendidikan.

Duta Yaman ke Malaysia, Dr Abdul Nasser Munibari, berkata kerajaannya sangat berharap untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan modal insan dan mempelajari lebih mendalam mengenai Islam Hadhari seperti dilakukan Malaysia menerusi kepemimpinan Abdullah.

Bercakap di kediamannya, di sini, mengenai lawatan tiga hari Perdana Menteri ke Yaman bermula Selasa ini, Munibari berkata, hubungan Malaysia-Yaman sebenarnya bermula dengan hubungan perdagangan sejak lebih 600 tahun lalu.

"Bagaimanapun, hanya sejak sembilan tahun lalu selepas kedua-dua negara mewujudkan hubungan diplomatik secara formal, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Yaman menunjukkan peningkatan," katanya.

Sejak itu, hubungan antara kedua-dua negara berkembang dalam bidang pendidikan, pelancongan dan kesihatan, katanya.

Munibari berkata, ajaran Islam sederhana yang disokong Malaysia dan Yaman membolehkan Kuala Lumpur dan Sana'a meningkatkan kerjasama dalam pendidikan.

"Ada ramai pelajar Malaysia belajar di sekolah pengajian Islam di Yaman, manakala lebih 2,000 pelajar Yaman memasuki pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia," katanya.